

**PAS cabar BN bantah kenyataan CEO Tekun
Malaysian Insider
Oct 10 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM**

Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayub (gambar) mencabar pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) membantah kenyataan 'biadap' Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun), Datuk Abdul Rahim Hassan yang berkata pinjaman untuk ahli Umno sahaja.

Salahuddin berkata, parti komponen BN seperti MCA, MIC, Gerakan dan PBB dilihat begitu takut untuk berkata walau sepatah pun untuk membantah kenyataan itu.

Katanya, dakwaan Rahim itu jelas menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab Umno dan ia adalah satu lagi manifestasi keangkuhan parti tersebut.

"Umno begitu bongkak dan angkuh sekali dalam mentadbir negara hingga wang rakyat diperuntukkan kepada ahli mereka sahaja.

"Mungkin selepas ini, seperti Firaun, mereka akan mengisytiharkan diri mereka sebagai tuhan pula di negara ini," katanya seperti dilaporkan Harakahdaily.

Menyifatkan Umno sebagai "firaun moden" Salahuddin menyeru rakyat membuka mata terhadap keangkuhan dan kesombongan parti itu.

"Rakyat perlu menghukum pihak yang berlagak sebagai 'Firaun' moden dalam pilihan raya umum ke-14 kelak," katanya.

Katanya, beliau kesal pinjaman Tekun yang sepatutnya dapat membantu rakyat mengatasi gejala pinjaman Along atau ceti haram itu dibolot sepenuhnya oleh Umno.

"Sepatutnya bantuan Tekun diperuntukkan kepada semua rakyat berpendapatan rendah dan yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama.

"Malangnya, pinjaman yang sepatutnya dapat membantu rakyat seluruhnya mengatasi gejala pinjaman dari Along atau ceti haram itu dibolot Umno sahaja," katanya.

Rabu lalu, The Malaysian Insider melaporkan kenyataan Rahim yang berkata penubuhan Tekun sememangnya bagi membantu ahli Umno.

Ini kerana, katanya, Tekun merupakan hasil usaha Umno bagi memperkasakan ekonomi kaum Melayu dalam parti itu.

Beliau bagaimanapun menafikan Tekun menolak 100% permohonan mereka yang bukan dari Umno.

"Pembangkang selalu kata (Tekun) hanya memberi pinjaman kepada ahlinya, kami punyai hak untuk mempertahankannya kerana ia merupakan idea yang diasaskan parti.

Ia disusuli dengan laporan The Malaysian Insider semalam apabila salah satu syarat wajib untuk mendapatkan pinjaman Tekun untuk perniagaan, pemohon perlu mendapatkan pengesahan daripada pemimpin tempatan atau dengan tepatnya merujuk kepada pemimpin

Umno.

Perkara tersebut dinyatakan melalui borang permohonan pinjaman Tekun "JPP02" pada bahagian H yang memerlukan peminjam mendapatkan pengesahan pemimpin tempatan, wakil rakyat, syarikat rakan strategik atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). – 10 oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-cabar-bn-bantah-kenyataan-ceo-tekun>